



YAYASAN KELANTAN DARULNAIM (YAKIN)

Tingkat 5, Kompleks YAKIN, Jalan Gajah Mati
15000 Kota Bharu, Kelantan.

**PERMOHONAN TAJAAN PINJAMAN UNTUK MENGIKUTI
KURSUS PERINGKAT IJAZAH PERTAMA (SEPENUH MASA) DI UNIVERSITI /
INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI TEMPATAN SESI 2020 / 2021**

Permohonan adalah dipelawa kepada warganegara Malaysia peranakan Kelantan yang bermastautin di Negeri Kelantan dan berkelayakan untuk memohon pinjaman Yayasan Kelantan Darulnaim (YAKIN) bagi mengikuti pengajian di peringkat :

- A) Ijazah Pertama di Institusi Pengajian Tinggi Awam [IPTA Sahaja]
- B) Ijazah KIAS - KUIN di Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS)

2. Pemohon-pemohon hendaklah mempunyai kelayakan-kelayakan berikut :

- i) Warganegara Malaysia Peranakan Kelantan dan bermastautin di Negeri Kelantan.
- ii) Mendapat tawaran kemasukan daripada Universiti / Institusi tempatan sebagaimana A dan B.
- iii) Kepujian dalam Bahasa Melayu di Peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)
- iv) Pelajar-pelajar yang sedang dibiayai oleh penaja lain **TIDAK LAYAK** memohon.

3. Cara-cara memohon adalah seperti berikut :

3.1 Permohonan hendaklah dibuat secara dalam talian dengan melayari laman web <http://www.espmb.com/yakin/> (PORTAL PERMOHONAN PINJAMAN PELAJARAN YAKIN) bermula pada **16 Ogos 2020 (AHAD)**. Pemohon mestilah mempunyai e-mel peribadi untuk permohonan dalam talian.

3.2 Borang Permohonan Online **HENDAKLAH DICETAK** dan **DISERTAKAN** bersama dengan salinan-salinan dokumen disahkan benar sebagaimana berikut :

- i) Surat Beranak / Surat Sumpah dan Kad Pengenalan pemohon.
- ii) Surat Sumpah / Kad Pengenalan Ibu dan Bapa / Penjaga.
- iii) Sijil-sijil persekolahan (SPM, STPM, STAM) dan lain-lain berkaitan.
- iv) Satu keping gambar berukuran pasport.
- v) Slip gaji terakhir ibu dan bapa (jika ibu bapa bekerja).
- vi) Surat tawaran kemasukan ke universiti.
- vii) Keputusan peperiksaan yang terakhir (jika sedang belajar).

dan dihantar ke alamat :

YAYASAN KELANTAN DARULNAIM (YAKIN)

Tingkat 5 , Kompleks YAKIN

Jalan Gajah Mati

15000 Kota Bharu, Kelantan.

Tel : 09-7483213 / 7446127

- 4. **TARIKH TUTUP** Permohonan Online ialah pada **17 SEPTEMBER 2020 (KHAMIS)** manakala **TARIKH AKHIR** penerimaan borang permohonan/dokumen ke pejabat YAKIN ialah pada **30 SEPTEMBER 2020 (RABU)**.
- 5. Permohonan yang diterima selepas tarikh tutup / tidak lengkap / tidak memenuhi kriteria-kriteria sebagaimana ditetapkan di atas **AKAN DITOLAK / TIDAK AKAN DIPROSES** .
- 6. Keutamaan akan diberi kepada pelajar-pelajar dari keluarga berpendapatan sederhana dan kurang berkemampuan.
- 7. Hanya pemohon yang **BERJAYA** akan dimaklumkan melalui email dan jika tidak menerima sebarang jawapan **DALAM TEMPOH (1) SATU BULAN** selepas tarikh tutup iklan adalah dianggap **TIDAK BERJAYA**.